



Pasar Bergerak 1Malaysia mudahkan rakyat

» PB1M bergerak secara berkumpulan dengan Pasar Tani Karavan 1Malaysia

BH Digital



Untuk lebih gambar dan video sila layari subscription.nstp.com.my

28/2/13 MS 6
B/H

Pengunjung melihat produk yang dipasarkan dalam bas Pasar Bergerak 1Malaysia.

Putrajaya

Pasar Bergerak 1Malaysia (PB1M) berkonsep pasar mini bergerak menggunakan bas berhawa dingin menawarkan pelbagai barangan keperluan pada harga berpatutan, sejajar dengan matlamat kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah dan mangsa bencana alam.

Malah, bagi membolehkan rakyat mendapatkan barangan basah seperti ayam, daging dan sayur-sayuran pada harga lebih kompetitif, PB1M akan bergerak secara berkumpulan dengan Pasar Tani Karavan 1Malaysia ke kawasan perumahan terpilih.

Melalui inisiatif itu, pengguna bukan saja dapat membeli barang segar dan diperkenalkan kepada pelbagai produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), malah turut boleh membuat pesanan awal.

PB1M memperagakan barangan yang disusun kemas atas rak terutama barangan yang dibotol, ditinkan atau dibungkus selain peti sejuk beku dan alat pendingin (chiller), masing-masing menempatkan makanan sejuk beku serta minuman.

Mudah buat pilihan

Justeru, ia memudahkan pembeli membuat pilihan selain memastikan ciri-ciri kesegaran dan kebersihan produk dikekalkan seperti membeli belah di pasar raya biasa.

Bas PB1M yang berwarna jingga turut dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) yang dihubungkan terus ke Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Peserta PB1M, Abd Latif Md Ali, 45, berkata konsep pasar mini bergerak itu akan membantu penduduk di kawasan perumahan yang tidak mempunyai kemudahan seperti pasar untuk membeli barangan keperluan masing-masing.

“Keperluan seharian dapat dihantar terus ke pintu rumah pembeli dan mereka dapat membelinya pada harga yang sama dengan di kedai KR1M atau pasar tani,” katanya.

Strategi terbaik FAMA

Peserta lain, Ali Sarin, 50, menyifatkan PB1M sebagai strategi terbaik FAMA untuk membantu golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah dan pada masa sama, memperluaskan pasaran produk PKS di seluruh negara.

INFO

Produk jualan PB1M

- ☉ **Barang kawalan** - beras, gula, tepung dan minyak masak
- ☉ **Makanan segar** - sayur-sayuran dan buah-buahan
- ☉ **Makanan dingin dan sejuk beku**
- ☉ **Produk makanan proses** yang dibotolkan dan ditinkan
- ☉ **Produk makanan IKS** keluaran tempatan
- ☉ **Produk tenusu**, hasil ternakan dan hasil laut
- ☉ **Produk makanan runcit** - sardin, bihun, mee segera dan lain-lain
- ☉ **Barangan keperluan harian** dan kelengkapan pengguna seperti sabun dan ubat gigi.

“Pendekatan serampang dua mata ini menyelesaikan logistik pemasaran bagi pengusaha manakala rakyat berpendapatan rendah boleh menikmati barangan lebih segar lagi berkhasiat pada harga berpatutan,” katanya.

Kamariah Said, 41, yang turut menyertai projek PB1M, berkata ia memberi peluang kepada peniaga kecil menambah pendapatan dan mengembangkan perniagaan dengan membawa produk ke tempat tertentu berdasarkan permintaan pasaran.

“Ini perancangan menang-menang, pengusaha berupaya meningkatkan potensi memasarkan produk masing-masing kerana boleh sampai kepada lebih ramai pelanggan manakala pembeli dijanjikan barangan yang terjamin bermutu,” katanya.

“Pendekatan serampang dua mata ini menyelesaikan logistik pemasaran bagi pengusaha manakala rakyat berpendapatan rendah boleh menikmati barangan lebih segar lagi berkhasiat pada harga berpatutan”

Ali Sarin,
Peserta PB1M



Antara barang kering yang dijual pada Pasar Bergerak 1Malaysia menggunakan bas.



INFO

- ⊙ Mulai esok orang ramai boleh mendapatkan barang keperluan berharga lebih murah sama seperti ditawarkan di Kedai Rakyat 1Malaysia di Pasar Tani sekitar Lembah Klang dan Selangor.
- ⊙ Operasi dijangka diperluaskan ke kawasan perumahan lain di wilayah tengah bermula April ini, selepas mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan perbincangan dengan jawatankuasa penduduk kawasan perumahan berkenaan.
- ⊙ Pasar Bergerak 1Malaysia (PB1M) akan diperluaskan di 15 kawasan bermula Mei ini di kawasan berikut:

Kuala Lumpur

- ⊙ Program Perumahan Rakyat (PPR) Ayer Panas, Wangsa Maju
- ⊙ Perumahan Awam Seri Labuan, Cheras
- ⊙ PPR Kerinchi, Pantai Dalam

Selangor

- ⊙ PPR Lembah Subang
- ⊙ Pangsapuri SS dan Kelana Jaya
- ⊙ PPR Kota Damansara

Pulau Pinang

- ⊙ Taman Jawi Indah, Seberang Perai Selatan
- ⊙ Taman Machang Bubuk, Seberang Perai Tengah
- ⊙ Pinggiran Alma, Seberang Perai Tengah
- ⊙ Taman Bertam Perdana, Seberang Perai Utara
- ⊙ Taman Merbau Jaya, Seberang Perai Utara

Johor

- ⊙ Rumah Pangsa Pasir Gudang
- ⊙ Rumah Pangsa Kempas
- ⊙ Rumah Pangsa Desa Mutiara, Tebrau
- ⊙ Rumah Pangsa Awam Sri Stulang, Johor Bharu



Produk dijual pada harga kompetitif

⊙ Dari muka 1

Menurut kenyataan media Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, Perdana Menteri memperakukan peruntukan RM3 juta bagi menggerakkan projek PB1M itu, dan buat permulaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk membangunkan konsep pasar bergerak itu di zon tengah, zon utara dan zon selatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melancarkan PB1M semalam disaksikan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, serta menteri Kabinet, di Dataran Perdana di perkarangan bangunan Perdana Putra.

Menurut kenyataan media itu, inisiatif berkonsepkan pasar mini bergerak itu menawarkan produk barangan runcit, barang kawalan, produk PKS tempatan dan barangan segar, yang dijual pada harga yang kompetitif.

Kumpulan sasaran inisiatif ini adalah penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR), Projek Perumahan Awam di bandar, masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana, serta mangsa bencana alam.



Antara **barang basah** yang dijual pada Pasar Tani Karavan 1Malaysia di Dataran Perdana, Putrajaya.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



Najib meninjau barang dijual pada **Majlis Pelancaran Pasar Bergerak 1Malaysia** di Putrajaya, semalam, turut serta, Muhyiddin dan menteri Kabinet.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

28/2/13 B/4
MS 7

Mula operasi esok
Pada masa sama, PB1M, yang akan memulakan operasi esok, turut memberi ruang kepada peniaga yang menjalankan perniagaan menggunakan karavan atau motosikal roda tiga menaik taraf kenderaan mereka jika menyertai program berkenaan.

Pengarah Kanan Pembangunan Usahawan FAMA, Ab Razak Ab Majid, berkata peniaga yang berminat bagaimanapun perlu mematuhi syarat ketat FAMA terutama dari segi kesihatan bagi memastikan pengguna memperoleh barang yang selamat dan bermutu.

"Produk berkenaan mestilah memenuhi piawaian kesihatan dan mempunyai sijil halal dari segi kandungannya.

"Kita memberi perkhidmatan terus ke pintu rumah rakyat di mana mereka boleh memperoleh barangan keperluan dan barangan harga terkawal seperti sayur-sayuran, daging, ayam dan buah-buahan.

"Kita merancang beroperasi tiga kali sehari mengikut jadual kawasan yang ditetapkan iaitu pagi, awal petang dan lewat petang," katanya ketika ditemui BH semalam sejurus selepas majlis pelancaran PB1M.

Ab Razak berkata, pada peringkat awal, PB1M akan beroperasi di pasar tani dan kawasan perumahan rakyat berpendapatan rendah serta sederhana sedia ada di sekitar Lembah Klang dan Selangor.